



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 16 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SSR TERNAKAN RUMINAN NEGARA KINI 20 PERATUS, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MAT SABU TO CONDUCT SURPRISE AGRO CHECKS, NATION, THE STAR, M/S – 4	
3.	KEMARAU: PESAWAH DI PERLIS TERJEJAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4.	LEBIH 150 PESAWAH GUSAR SAWAH PADI SELUAS 576 HEKTAR KERING KONTANG, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 21	LAIN – LAIN
5.	AKPS GAGALKAN CUBAAN SELUDUP 2 TAN DAGING BABI DI BUKIT KAYU HITAM, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 20	
6.	GAGAL SELUDUP KARKAS BABI BERNILAI RM66,000, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	
7.	SAKI BAKI BABI MASIH AKTIF AKAN DIPINDAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

SSR ternakan ruminan negara kini 20 peratus

KINABATANGAN - Kerajaan komited meningkatkan Kadar Sara Diri (SSR) ternakan ruminan negara yang kini sekitar 20 peratus, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, kerajaan menyasarkan tahap sara diri ternakan ruminan negara meningkat kepada 50 peratus menjelang 2030, melibatkan pengeluaran antaranya kerbau, lembu dan kambing selaras dengan agenda memperkukuh keterjaminan makanan nasional.

Mohamad berkata, sasaran itu merupakan aspirasi besar kementeriannya namun yakin ia boleh dicapai bergantung kepada pelaksanaan program dan usaha berterusan semua pihak dalam sektor agromakanan.

"Kita sekarang ini baru di sekitar 20 peratus... jauh untuk capai... tapi kita yakin (dengan) adanya program-program yang dibentangkan... kita akan capai 50 peratus (pada) 2030 nanti," katanya selepas merasmikan Program Sentuhan Agro Madani di sini pada Khamis.

Beliau berkata, pelbagai program keterjaminan makanan sedang dan akan dilaksana bagi meningkatkan pengeluaran domestik termasuk penglibatan aktif komuniti peladang di peringkat akar umbi.

Mohamad turut memuji inisiatif Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kota Kinabatangan yang mencadangkan pelaksanaan Projek Ternakan Ayam Pedaging Sistem Tertutup di bawah Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia ke-13 Tahun 2026 sebagai contoh terjemahan dasar nasional ke peringkat tempatan.

Projek bernilai RM2.4 juta yang telah diluluskan itu dijangka menjana 30,000 ekor ayam bagi setiap pusingan serta mampu beroperasi sehingga empat pusingan setahun. - *Bernama*

Mat Sabu to conduct surprise agro checks

By REBECCA CHONG

newsdesk@thestar.com.my

KINABATANGAN: Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu has warned

that government-funded agricultural projects will be closely monitored, saying he would personally conduct surprise inspections to ensure public money delivers tangible results on the ground.

The government was determined to move away from policies that looked impressive on paper but failed during implementation, he said.

"We do not want policies to be formulated on paper alone. We

want to go down to the ground and see for ourselves whether what has been announced is actually working," he said at the Sentuhan Agro Madani programme here yesterday.

Mohamad said he would return to Kinabatangan in about a year, without prior notice, to assess the progress of projects announced under the programme.

One of the projects Mohamad was referring to is the newly launched high-impact closed-house broiler chicken farming project, which the Kota Kinabatangan Farmers' Organisation proposed.

The RM2.4mil project, to be



Agro sales:

Mohamad speaking during the site visit to the Sentuhan Agro Madani programme, — Bernama

implemented in Bukit Garam, is designed to house 30,000 chickens per production cycle, with up to four cycles annually. It is expected to generate an estimated gross annual revenue of RM2.75mil.

He said modern closed-house

systems addressed issues such as odour, waste management and efficiency, adding that technological advancements now allowed poultry waste to be processed more effectively.

"This project must be managed

properly. We do not want to see something that works for one or two cycles and then collapses," he said, adding that the estimated return on investment of about 27% could be achieved if operations were managed well.

16/1/2026

UTUSAN
MALAYSIA

DALAM
NEGERI

26

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

Kemarau: Pesawah di Perlis terjejas

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Seramai 1,592 orang pesawah membabitkan keluasan 1,369 hektar di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini terjejas ekoran cuaca kering atau kemarau yang berlarutan sejak sebulan lalu.

Selain pesawah, tanaman haram manis juga dijangka terkesan dengan dianggarkan antara 40 sehingga 70 peratus potensi hasil buah itu boleh terjejas sekiranya kemarau berlaku berterusan semasa peringkat berbunga dan awal pembentukannya.

Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Hafizuddin Othman berkata, pihak jabatan telah menggerakkan pegawai kawasan pengembangan tanaman untuk membantu petani terkesan

kawasan yang terjejas.

"Pihak JPS juga telah melepaskan tambahan air empanan bermula 24 Disember 2025 sebanyak 10 peratus bukaan untuk dua pintu dan akan meningkatkan kepada 20 peratus bukaan bermula hari ini. Bukaaan air berkenaan dijangka dapat sampai ke kawasan Paya di sini seperti di Sempering, Jejawi dan kawasan sekitar dalam tempoh beberapa hari.

"Selain itu, jabatan dan agensi juga menggerakkan pegawai untuk memantau keperluan dan persediaan awal bencana bagi tabung bencana tanaman padi dan skim takaful tanaman padi. Petani diminta untuk segera berdaftar bagi skim berkenaan di bawah Agrobank dengan merujuk cawangan Agrobank dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kawasan masing-masing," katanya kepada *Utusan*

Malaysia di sini semalam.

Semalam akhbar ini melaporkan, belum reda terkesan banjir besar pada November lalu, Perlis kini berdepan pula kemarau atau keadaan cuaca kering yang menyaksikan kawasan pertanian terutama tanaman padi di negeri ini mula kering-kontang dan merekah.

Cuaca panas di Perlis yang mencecah 32 sehingga 34 darjah celsius itu sudah berlarutan sejak sebulan lalu dan dijangka berpanjangan sehingga Mac dengan kerajaan negeri kini bersedia sedia berdepan fenomena tersebut.

Di kawasan tanaman padi di Repoh dan Kampung Jejawi Dalam antaranya menyaksikan 200 pesawah di kawasan seluas kira-kira 380 hektar itu terjejas apabila sawah mereka kering-kontang dan keadaan tanah pula merekah.



CUACA panas yang berlarutan sejak sebulan lalu menyaksikan kawasan tanaman padi mula kering-kontang dengan keadaan tanah merekah di Kampung Jejawi Dalam, Arau, Perlis. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

antaranya menggerakkan bantuan pami sebanyak 39.

Beliau berkata, selain itu, pihaknya juga mendapat kerjasama

16/1/2026

HARIAN
METRO

LOKAL

21

Lebih 150 pesawah gusar sawah padi seluas 576 hektar kering kontang

Yani: Lebih 150 pesawah di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Limau Dalam di sini, gusar susulan cuaca kering ketika ini menyebabkan sawah padi mereka seluas kira-kira 576 hektar kering kontang sejak hampir dua bulan lalu.

Gangguan bekalan air itu turut didakwa berpunca kerosakan terusan pengaliran yang terjejas akibat kerja-kerja tebatan banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), ditambah taburan hujan yang sangat sedikit sejak akhir November tahun lalu.

Tinjauan wartawan mendapati terusan pengaliran yang sepatutnya menyalurkan air dari empangan didapati telah kering kontang, menyebabkan hampir tiada aliran air masuk ke sawah.

Pesawah, Abdul Rani Mad Isa, 67, berkata, keadaan itu amat mengecewakan pesawah yang berkemungkinan akan mengalami kerugian yang sangat besar.

"Kami amat bertuah jika dapat menyelamatkan sebarang daripada tanaman padi yang sudah ditanam. Pokok padi kini berada di peringkat kritikal iaitu berusia kira-kira 60 hari. "Ia

memerlukan air yang konsisten untuk matang, tetapi bekalan air ke sawah terganggu," katanya.

Abdul Rani mendakwa masalah itu bertambah buruk selepas projek tebatan banjir bermula, dengan mendakwa air hampir tidak memasuki terusan sejak itu.

"Musim sebelum ini, kami boleh bergantung kepada air hujan, tetapi kali

ini kami tiada pilihan lain," katanya ketika ditemui di sawah semalam.

Seorang lagi pesawah, Badrudin Ismail, 63, menyambut baik langkah intervensi oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang menempatkan pam air untuk menyedut air dari sungai pengaliran utama ke kawasan yang terjejas. Bagaimanapun, Badrudin berkata, usaha itu masih belum mencukupi untuk menangani kemelut mereka.

"Walaupun ada pam, air tetap sukar didapati kerana aliran utama masih tersumbat. Dan sekiranya ada air, kami terpaksa membelanjakan kira-kira RM40 sehari untuk bahan api bagi menghidupkan pam. Ia tidak berbaloi dengan kos, katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

AKPS gagalkan cubaan seludup 2 tan daging babi di Bukit Kayu Hitam

ALORSETAR - Cubaan membawa masuk daging babi jenis karkas seberat 2,000 kilogram (kg) tanpa dokumen import sah, gagal apabila ditahan pihak berkuasa di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada Rabu.

Komander Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Bukit Kayu Hitam, Senior Asisten Komisioner Mohd Nasarudin M Nasir berkata, pemeriksaan terhadap sebuah kenderaan kargo kira-kira jam 6.30 pagi membawa kepada penemuan muatan tidak sah itu, yang dianggarkan bernilai RM66,000.

"Pengimportan daging babi dari Thailand dilarang sepenuhnya susulan ancaman penyakit African Swine Fever (ASF)," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728 - Maqis).

Sementara itu dalam kes berasingan pada hari sama, AKPS menolak kemasukan sembilan warga asing di Pintu Masuk Bukit Kayu Hitam atas pelbagai kesalahan imigresen, termasuk tidak dibenarkan masuk melalui laluan darat, disyaki bukan pelancong tulen serta tersenarai dalam senarai syak jabatan.

Menurut Mohd Nasarudin, tindakan itu dibuat mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan semua individu terlibat diarahkan berpatah balik melalui Thailand untuk pulang ke negara asal masing-masing. - *Bernama*



Kenderaan membawa daging babi seberat 2,000kg tanpa dokumen sah ditahan di ICQS Bukit Kayu Hitam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	12

Bukit Kayu Hitam: Cuba seludup karkas babi bernilai RM66,000 ke negara ini melalui pintu sempadan negara.

Tindakan itu bagaimanapun digagalkan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) di Laluan Kenderaan Kargo Berat, Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), di sini, semalam.

Komander AKPS Bukit Kayu Hitam, Senior Asisten Komisioner Mohd Nasaruddin M Nasir berkata, hasil pemeriksaan mendapati, daging babi jenis karkas itu dibawa masuk tanpa dokumen import yang sah dalam

Beliau berkata, operasi yang dilaksanakan jam 6.30 pagi itu membabitkan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan kargo.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati kenderaan itu diarahkan ke kaunter timbang dan berat kasar direkodkan seberat 4.2 tan.

"Kenderaan itu kemudiannya diarahkan ke Blok E1, Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam untuk tujuan pemunggaan dan pemeriksaan penuh (100 peratus).

"Selepas pemeriksaan menyeluruh dijalankan,

Gagal seludup karkas babi bernilai RM66,000



KARKAS babi bernilai RM66,000 yang cuba dibawa masuk ke negara ini melalui pintu masuk Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, digagalkan oleh AKPS.

berat bersih kenderaan direkodkan hanya 2,200kg dan perbezaan berat itu menimbulkan syak. Pemeriksaan lanjut menemui

muatan tidak sah iaitu daging babi jenis karkas," katanya, semalam.

Beliau berkata, rampa-

san ini dilakukan berikutan pengimportan daging babi dari Thailand adalah dilarang sepenuhnya susulan ancaman penyakit African Swine Fever (ASF).

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728 - MAQIS).

"Semua barangan rampasan ditahan untuk tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa," katanya.

Menurutnya lagi, setakat ini, kes sudah direkodkan dan siasatan lanjut sedang dijalankan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Sehubungan itu katanya, AKPS akan terus komited dalam memperketatkan kawalan di pintu masuk negara

bagi memastikan keselamatan, kesihatan awam serta kepentingan negara sentiasa terpelihara.

“Semua barangan rampasan ditahan untuk tindakan lanjut”
Mohd Nasaruddin

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Saki-baki babi masih aktif akan dipindah

SHAH ALAM: Kerajaan Negeri Selangor akan memindahkan saki-baki babi yang ditinggalkan dan terbiar di daerah Sepang dalam tempoh tiga bulan.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Izham Hashim berkata, sebanyak 34 daripada 112 ladang ternakan babi masih aktif di daerah itu dan sedang dalam proses pemindahan sebelum kesemua itu ditutup sepenuhnya.

Katanya, jumlah babi yang ada ketika ini sudah mengecil angkanya dan rekod 120,000 ekor itu dicatatkan pada November tahun lalu.

"Memang masih ada ladang yang menempatkan haiwan tersebut. Sementara yang tutup pula disebabkan oleh ternakan yang terkena penyakit selsema babi Afrika dan ia perlu ditutup dan memerlukan masa untuk pembersihan.

"Selain itu, ada juga ladang-ladang yang kosong apabila pengusahanya tidak lagi mengusahakan ternakan babi dan beralih ke pertanian lain, namun dalam masa sama masih berharap jika mereka boleh kembali mengusahakan ternakan babi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Jelas Izham, pemindahan babi akan dilakukan secara berperingkat bermula dengan babi dewasa, sementara yang baru lahir pula akan dipastikan ia membesar dan selamat untuk dipindahkan.

"Kita tidak boleh pindahkan semua sekali gus atas faktor keselamatan dan penyakit," ujarnya.

Semalam, akhbar ini melaporkan terdapat beberapa ladang ternakan ditinggalkan oleh pengusaha di Tanjung Sepat, Kuala Langat, mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk di Kampung Ladang Tumbuk, Kampung Batu Untung dan Kampung Batu Laut.

Tahun lalu, sebanyak 58 ladang babi di Selangor iaitu 55 di Kuala Langat dan tiga di Sepang, disahkan dijangkiti wabak ASF menyebabkan 14,000 ekor haiwan itu terpaksa dilupuskan untuk mengawal penularan wabak.

Beliau juga pernah menjelaskan, babi didapati positif ASF akan dilupuskan seperti mana proses pelupusan yang pernah dilakukan sebelum ini di bawah pemantauan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor.